

02 OGOS 2017

## Syor benarkan kajian ketum demi perubatan

# Syor benarkan kajian ketum demi perubatan

**Eksploitasi** hasil kajian mengenai ketum perlu dibenarkan bagi membolehkan potensi tumbuhan itu dikembangkan, khususnya dalam aspek perubatan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata negara akan mengalami kerugian jika pengeksploitasi kajian itu diharamkan kerana tumbuhan itu memiliki permintaan dan nilai yang tinggi, khususnya di pasaran luar negara.

Katanya, kebimbangan terhadap salah guna ketum kini dapat diatasi menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 yang diluluskan di Dewan Rakyat, semalam.

“Saya ada membuat kajian ketika bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dahulu, selain berbincang dengan pakar dari universiti, termasuk Universiti Malaya yang membuat penyelidikan (mengenai ketum).

“Menerusi kajian itu, saya mengetahui daun ketum memiliki ciri perubatan yang tinggi, selain perlunya mekanisme kawalan terhadap daun ketum.

“Ketum adalah satu daripada biodiversiti, tumbuhan di negara kita yang tinggi nilainya serta mudah ditanam,” katanya ketika ditanya mengenai kemungkinan penjualan ketum, khususnya dalam aspek perubatan susulan kelulusan RUU Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 di Dewan Rakyat.